

Pengaplikasian Model Awal Kit Asas Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas

Nurul Haniza Samsudin¹, Puteri Roslina Abdul Wahid², & Salinah Ja'afar³

^{1,2}Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

³Jabatan Bahasa dan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya

Progres Artikel

Diterima: 25 Julai 2017

Disemak: 25 Januari 2018

Diterbit: 1 Jun 2018

*Corresponding Author: Nurul Haniza Samsudin, Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia; Email: haniza_85@um.edu.my

Abstrak: Makalah ini membicarakan tentang pengaplikasian model awal Kit Asas Membaca dalam pembelajaran bahasa Melayu kanak-kanak pemulihan khas. Model awal yang dibina adalah berkaitan dengan pengecaman huruf dan pengetahuan grafik. Pembinaan model awal Kit Asas Membaca ini melibatkan empat tahap, iaitu penentuan, pembangunan, penggunaan, dan penyesuaian yang diaplikasikan melalui kajian rintis selama sebulan. Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif dalam pengumpulan data. Subjek yang dipilih merupakan lima orang pelajar darjah tiga yang mengikuti kelas pemulihan khas di Johor Bahru, Johor. Instrumen yang digunakan ialah ujian lisan dan bukan lisan. Dua jenis ujian dijalankan, iaitu sebelum dan selepas penggunaan model awal Kit Asas Membaca didedahkan kepada mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan pencapaian sebanyak 3.17 % selepas pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan model awal Kit Asas Membaca apabila ketiga-tiga hasil pembelajaran (HP) dijumlahkan. Dapatan HP 1 menunjukkan wujudnya peningkatan sebanyak 1.54%, manakala HP 3 pula sebanyak 7.5% sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Walau bagaimanapun, tiada peningkatan peratusan pencapaian bagi HP 2 sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapatnya keberkesanan pengaplikasian model awal Kit Asas Membaca sebelum dan selepas P&P membaca kepada kanak-kanak pemulihan khas.

Kata kunci: model awal, Kit Asas Membaca, kanak-kanak pemulihan khas, kajian rintis, hasil pembelajaran

Abstract: This article discusses the application of Basic Reading Kit early model in the learning of Malay Language among remedial education children. The developed early model was related to letter recognition and graphical knowledge. The development of this Basic Reading Kit early model involved four phases namely selection, development, execution, and adaptation of which these phases were applied throughout a month-long pilot test. This research used both quantitative and qualitative approaches in collecting the data. The subjects selected were five year three students who were undergoing remedial education class in Johor Bahru, Johor. The instruments utilized in this research included both verbal and non-verbal tests. Two types of test were administered – before and after the Basic Reading Kit early model had been exposed to the children. The data illustrate that there was an increment of 3.17% in the children's performance after the teaching and learning using the Basic Reading Kit early model (when the three learning outcomes [LO] be summed up). Even though there was no percentage increase seen in LO 2, LO 1 shows an increment of 1.54%, while in LO 3, the increase was 7.5 % as compared to the test result before the application of Basic Reading Kit early model. The data portrays the effectiveness of the application of Basic Reading Kit early model in the teaching and learning of reading among remedial education children.

Keywords: early model, Basic Reading Kit, remedial education children, pilot test, learning outcomes

Pengenalan

Kemahiran membaca merupakan proses yang kompleks kerana melibatkan pengaplikasian beberapa kemahiran dengan serentak. Hal ini demikian kerana kemahiran mengamati, penglihatan, mengingat, mendengar, dan membezakan bunyi-bunyi pertuturan merupakan kemahiran yang diaplikasikan serentak semasa membaca. Kemahiran membaca juga tidak mampu dikuasai tanpa melalui proses-proses mengenal dan membezakan fonem dalam sesuatu bahasa, menggabungkan simbol-simbol fonem untuk membentuk perkataan, dan memindahkan lambang-lambang yang dibaca kepada sistem saraf supaya dapat diterjemah kepada simbol fonem yang dapat difahami oleh pembaca. Oleh kerana membaca merupakan proses yang rumit, membaca telah disimpulkan sebagai satu proses yang tidak mempunyai definisi spesifik atau khusus (Smith, 1978:1). Hal ini demikian kerana membaca melibatkan konteks yang luas, sama ada melibatkan tingkah laku membaca itu sendiri, kefahaman, dan sebagainya. Dalam hal ini, terdapat sesetengah individu yang membaca tetapi tidak memahami maklumat yang terkandung dalam bahan bacaan itu. Keadaan ini menunjukkan aktiviti membaca berlangsung tetapi pembaca hanya mengalami masalah daripada aspek pemahaman sahaja.

Konsep Keupayaan Membaca Dalam Kalangan Kanak-Kanak

Keupayaan membaca dalam kalangan kanak-kanak pula sudah pastinya melibatkan proses yang kompleks. Hal ini demikian kerana empat fasa utama yang perlu dilalui oleh seseorang kanak-kanak dalam memperkembangkan kemahiran membaca, iaitu peringkat pra bacaan, peringkat permulaan, peringkat mahir atau fasih (Taylor, 1973:17). Dalam peringkat pertama, iaitu prabacaan dinyatakan sebagai peringkat persediaan kerana kanak-kanak masih belum mampu memahami keseluruhan maklumat yang telah dibacanya. Setelah melalui fasa ini, kanak-kanak mula melalui peringkat permulaan membaca apabila mereka sudah mampu mengecam dan mengenal pasti perkataan yang sudah biasa dilihatnya. Walaupun sudah mempunyai keupayaan mengecam dan mengenal pasti perkataan, mereka masih belum diiktiraf sebagai pembaca kerana kemahiran ini melibatkan perkataan yang digunakan dalam konteks tertentu sahaja. Kemahiran pada peringkat ini terus berkembang dan akhirnya melalui peringkat mahir atau fasih. Peringkat ini dilalui tanpa berhadapan dengan banyak kesukaran kerana membaca sudah menjadi satu aktiviti bagi memenuhi keperluan mereka.

Walaupun bagaimanapun, tidak semua kanak-kanak menguasai kemahiran bacaan dengan mudah dan lancar seperti yang telah disebutkan tadi. Antara golongan kanak-kanak sekolah rendah yang tidak mampu

menguasai kemahiran membaca dengan lancar ialah kanak-kanak pemulihan khas. Kanak-kanak pemulihan khas merupakan murid-murid yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (Kemahiran 3M) yang disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukannya faktor kognitif. Kanak-kanak ini juga sering dilabel sebagai kanak-kanak lambat kerana mempunyai pencapaian yang lebih rendah daripada rakan sebayanya di dalam kelas (Jais Sahok & Mat Nor Husin, 1990: 9). Lambat yang dimaksudkan bukanlah bermaksud kanak-kanak ini lemah dalam semua perkara atau mata pelajaran. tetapi mungkin melibatkan satu atau dua mata pelajaran atau kemahiran asas tertentu sahaja. Kanak-kanak pemulihan ini menunjukkan ciri lambat belajar berbanding murid-murid yang lain, maka wujudlah jurang perbezaan tahap pencapaiannya dengan tahap pencapaian murid-murid yang lain dalam sesuatu kemahiran. Ciri belajar ini juga menyebabkan kanak-kanak pemulihan khas dinamakan murid lambat (Chua & Koh, 1992: 188), GALUS (gagal-lulus kerana pencapaian yang tidak menentu dalam peperiksaan) (A. Jailani Abas, 2012:2) dan HALUS (mempunyai harapan untuk lulus dalam peperiksaan). Istilah-istilah ini hanyalah untuk memudahkan perbincangan dalam bidang pendidikan pemulihan kerana konotasinya kurang memberi impak negatif berbanding istilah murid subnormal, mundur, dan lambat.

Dalam kemahiran membaca khususnya, masalah bacaan yang wujud dalam kalangan kanak-kanak pemulihan khas ialah masalah mengenal huruf, membunyikan suku kata, mengeja, membaca perkataan, dan ayat-ayat mudah. Dalam penguasaan huruf, mereka sering keliru dengan huruf-huruf yang seakan-akan sama bentuknya seperti *b* dan *d*, *j* dan *g*, *i* dan *a*, *t* dan *d*, dan sebagainya (Kavitha Mahalingam, 2009: 82; Vikneswari Maruganatham 2014: 87), belum mengenal semua huruf, dan tidak faham konsep huruf besar dan kecil (Nor Lalila Kuslan, 2014: 157-169). Dalam aspek membaca suku kata pula, mereka mudah lupa bunyi suku kata awal, terutamanya perkataan-perkataan yang mengandungi lebih daripada dua suku kata (Zulbaharen Ahmad, 1997: 87). Apabila membaca suku kata akhir sesuatu perkataan pula, mereka sukar mengingat suku kata awal yang sudah dibaca. Kesannya, kanak-kanak ini sering meneka atau mengagak bunyi suku kata terakhir sehingga menyebabkan mereka tidak berupaya untuk mengenal pasti huruf-huruf, ejaan, dan perkaataan dengan cepat dan automatik (Adams 1990: 31-32).

Oleh sebab kemahiran membaca perlu dipelajari secara formal dan diperkukuhkan dari semasa ke semasa, maka wujud keperluan membina bahan-bahan pengajaran bagi kanak-kanak pemulihan khas yang bermasalah membaca. Bahan yang dibina dalam kajian ini adalah model awal *Kit Asas Membaca*. Kit merupakan bahan pengajaran yang lengkap untuk kegunaan pengajaran sesuatu topik dan bahan-bahan tersebut berbentuk *concrete material*


(Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005:48). Bersesuaian dengan fungsinya sebagai bahan bantu mengajar, kit ini menyediakan asas yang kuat dalam memahami dan mengingati konsep yang diajar, membina pengalaman sebenar, menyepadukan pengalaman sedia ada dengan pengalaman yang diperolehi daripada bahan dan alat tersebut, dan sebagainya. Kit ini juga merupakan salah satu contoh Bahan Bantu Mengajar (BBM), iaitu merangkumi pelbagai BBM yang disimpan di dalam suatu bekas (plastik, kotak, kayu, dan sebagainya) (Norzainariah Abu Hassan, 2004: 23). Kit yang digunakan dalam pembelajaran biasanya mengandungi alat dan bahan visual yang bukan elektronik seperti kad-kad (kad abjad, suku kata, perkataan, dan sebagainya), papan cerita, gambar (gambar tunggal, gambar bersiri, gambar cantuman, dan sebagainya), bongkah plastik, kaset cerita, dan sebagainya (Khatijah Abdul Hamid, 1990: 42). Dalam makalah ini, kit yang dibangunkan merupakan model awal atau prototaip bagi kit sebenar yang bertemakan cerita rakyat, iaitu Puteri Gunung Ledang. Kit ini digunakan dalam pembelajaran membaca huruf oleh kanak-kanak pemulihan khas. Kit ini mengandungi tiga modul, iaitu pengecaman huruf dan pengetahuan grafik, bunyi dan ejaan, serta konteks tatabahasa. Walau bagaimanapun, kajian awal ini merupakan pengujian terhadap modul pengecaman huruf dan pengetahuan grafik sahaja.

Metodologi

i. Kajian Awal

Kajian awal atau lebih dikenali sebagai *pilot study* merupakan kajian yang dilakukan pada peringkat awal penyelidikan. Melalui kajian ini, arah tuju dan matlamat penyelidikan dapat ditentukan dengan tepat. Selain itu, kebolehlaksanaan kajian sebenar yang bakal dijalankan kerana kelemahan dan kekuatan instrumen kajian, kaedah pengumpulan data, kerangka teori, subjek kajian, dan sebagainya dapat diketahui semasa kajian awal dijalankan. Kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kajian awal dapat dibaiki dalam kajian sebenar. Sebaliknya, kekuatan hasil kajian awal pula akan digunakan sebagai panduan apabila menjalankan kajian sebenar. Rajah berikut menunjukkan carta alir kajian awal yang telah dijalankan, iaitu:

Rajah 1: Carta Alir Kajian Awal



Rajah 1 menunjukkan carta alir kajian awal yang menunjukkan cara kajian dijalankan. Sebelum kajian awal dijalankan, objektif kajian, subjek kajian, kaedah kajian, dan sebagainya ditentukan terlebih dahulu. Objektif kajian awal yang dijalankan adalah untuk menguji model awal atau prototaip Kit Asas Membaca bagi kanak-kanak pemulihan khas. Subjek kajian yang dipilih pula adalah kanak-kanak Tahun tiga yang belajar di kelas pemulihan khas literasi dan seramai lima orang subjek kajian dipilih untuk kajian awal ini. Kaedah kajian yang dijalankan pula adalah pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan kit dan pengujian semula subjek kajian sebelum dan selepas proses P&P tersebut dijalankan. Subjek kajian diajar secara berkumpulan tetapi kaedah pengujian pula dijalankan secara individu bagi melihat tahap keupayaan bacaan kanak-kanak ini.

Seterusnya, pengkaji telah membangunkan prototaip bahan bantu mengajar (BBM) dan latihan-latihan yang akan digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta soalan-soalan yang bakal diuji. Bagi tujuan ini, pengkaji telah memilih tiga jenis bahan bantu mengajar yang digunakan dan tiga kemahiran utama difokuskan untuk diuji. Satu kemahiran membaca peringkat asas difokuskan, iaitu pengecaman huruf dan pengetahuan grafik. Sesi pengujian pula dinamakan sebagai Ujian Penilaian Kemahiran Membaca yang memfokuskan kepada dua kemahiran yang telah diajar dan proses P&P kajian awal. Model awal ini akan dibawa ke lapangan untuk diuji dan digunakan sepanjang kajian tersebut dijalankan.

Setelah kajian awal dijalankan, pengkaji akan menilai semula kebolehgunaan model awal Kit Asas Membaca yang telah digunakan. Penilaian ini meliputi tentang kesesuaiannya sebagai bahan bantu mengajar dan tahap keupayaan subjek kajian menjawab soalan yang diberikan. BBM yang digunakan juga perlu mudah dikendalikan oleh pengkaji, difahami oleh subjek kajian, dan menarik minat mereka dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Jika prototaip tersebut bersesuaian dengan

kajian awal, pengkaji akan membangunkan Kit Asas Membaca yang akan digunakan dalam kajian sebenar. Sebaliknya, jika model awal tersebut didapati kurang sesuai digunakan semasa kajian awal, pengkaji akan menambah baik atau tidak menggunakan bahan bantu mengajar sedia ada dalam kajian sebenar.

ii. Tempat Kajian

Kajian awal telah dijalankan di Johor Bahru pada 25 hingga 29 Januari 2017 yang lalu. Tempat kajian ini dipilih juga kerana lokasinya yang terletak di tengah bandar Johor dan menggambarkan tempat kajian dalam kajian sebenar, iaitu Puchong, Selangor. Kerjasama yang baik daripada pihak sekolah dan guru-guru juga diambil kira dalam menentukan tempat kajian tersebut dipilih.

iii. Profil Subjek Kajian

Subjek kajian yang dipilih dalam kajian awal ini adalah seramai lima orang. Mereka merupakan murid- Tahun Tiga murid yang belajar dalam kelas pemulihan khas. Subjek-subjek kajian mempunyai keupayaan bacaan yang berbeza, iaitu kebolehan ini diukur melalui Ujian Saringan LINUS yang diadakan dua kali semasa penggal persekolahan 2016. Kesemua subjek-subjek kajian ini adalah kanak-kanak lelaki yang tidak mempunyai masalah kecacatan alat artikulasi dan fizikal. Berikut menunjukkan keupayaan membaca subjek kajian berdasarkan Ujian LINUS Literasi, iaitu:

Jadual 1: Keupayaan Membaca Subjek Kajian Berdasarkan Kemahiran LINUS

Subjek Kajian	Keupayaan Membaca Berdasarkan Ujian LINUS	Keupayaan yang diukur
LL 1	Konstruk 4	Keupayaan membaca dan menulis suku kata tertutup
LL 2	Konstruk 3	Keupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka
LL 3	Konstruk 4	Keupayaan membaca dan menulis suku kata tertutup
LL 4	Konstruk 3	Keupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka
LL 5	Konstruk 5	Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata tertutup

iv. Instrumen Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji telah membahagikan instrumen kajian kepada empat alat seperti bahan bantu mengajar untuk proses pengajaran dan pembelajaran (P&P), Ujian Penilaian Kemahiran Membaca untuk pengujian, dan borang pemerhatian terkawal semasa pengujian dijalankan. Data-data pula dianalisis dengan menggunakan peratusan, iaitu kesemua markah yang diperolehi oleh subjek kajian sebelum dan selepas kajian awal dijalankan dikira perbezaannya. Kriteria pencapaian hasil pembelajaran dibandingkan antara kedua-duanya, iaitu sebelum dan selepas sesi pengajaran menggunakan Kit Asas Membaca.

a) Bahan Bantu Mengajar Dalam Kit Asas Membaca

Dua bahan bantu mengajar digunakan untuk mengajarkan konsep pengecaman huruf dan pengetahuan grafik seperti buku latihan latihan murid, kad imbasan padanan huruf, buku modul, model, dan buku cerita rakyat. Gambar berikut menunjukkan bahan bantu mengajar yang terdapat dalam Kit Asas Membaca, iaitu:



Kad Imbasan Padanan Huruf

Model Istana



Buku Cerita

Kad imbasan tergolong dalam kumpulan dalam media visual atau grafik dan paling dominan digunakan oleh guru (Misdar, 2013: 512). Kad imbas merupakan kaedah yang paling berkesan kerana melibatkan gabungan kemahiran visual dan taktil. Dalam kajian awal ini, terdapat lima jenis kad imbasan dibina, iaitu kad imbasan huruf besar secara berurutan, huruf kecil secara berurutan, huruf besar secara tidak berurutan, huruf kecil secara berurutan, dan padanan huruf besar dengan huruf kecil. Bagi kad padanan huruf, huruf besar yang mempunyai bentuk yang sama dengan huruf kecilnya diwarnakan biru, tetapi jika mempunyai padanan yang tidak sama pula diwarnakan merah. Kad ini dibina lebih besar daripada saiz kad imbas biasa, iaitu berukuran 20 cm panjang X 26 cm lebar, tidak diceraikan kandungannya, dan digabungkan dengan menggunakan *spring comb bind*. Kad ini digabungkan bagi mengelakkan kandungannya terpisah sehingga menyukarkannya didapatkan semula apabila diperlukan. Guru hanya perlu menukar kandungan kad ini dengan menyelak helaian demi helaian sahaja. Penggunaan kad imbas yang dihasilkan mempunyai ciri-ciri seperti jelas dan besar supaya boleh dilihat oleh murid-murid yang duduk di bahagian belakang kelas.

Model merupakan bahan tiga dimensi yang mewakili struktur, rupa bentuk, dan menjelaskan cara sesuatu (contohnya mesin berfungsi) (Ab. Rahim Selamat, 1987: 46). Model merupakan objek tiga dimensi yang menyerupai sesuatu (benda, haiwan, spesimen, dan sebagainya) atau berbentuk replika objek sebenar tetapi berbeza daripada aspek bahan atau saiznya (East, 1952: 35). Model dalam kajian awal bertemakan model istana berdasarkan tema cerita rakyat yang bertajuk Anak Monyet Yang Tamak. Pembinaan model sebagai bahan pengajaran adalah menyerupai sesuatu objek sebenar, iaitu istana. Model istana dipilih adalah untuk memudahkan subjek kajian mengenali objek sebenar

yang diceritakan dalam cerita rakyat. Dalam cerita rakyat pertama, iaitu *Anak Monyet Yang Tamak* cerita ini menceritakan bahawa anak monyet telah memasang impian untuk tinggal di istana dan meninggalkan hutan. Bagi mengingatkan subjek kajian tentang isi kandungan cerita, pengkaji telah membina model sebuah istana Melayu lama yang berbentuk seakan-akan rumah Melayu lama. Model istana misalnya, jika dibuka di bahagian tengahnya akan menampakkan bahagian kotak-kotak kecil yang dibahagikan kepada empat baris melintang dan enam baris menegak yang digunakan untuk pengajaran pasangan huruf besar dan kecil. Baris akhir kotak-kotak ini hanya terdiri daripada dua buah kotak kecil sahaja. Kotak-kotak kecil ini dibina bagi mewakili kesemua 26 huruf dan dimasukkan blok huruf dalam kotak-kotak kecil itu. Blok-blok huruf ini pula ditampal huruf dan digunakan bagi menyusun huruf secara berurutan dan tidak berurutan. Terdapat dua bahagian utama apabila model ini dibuka, iaitu kotak-kotak kecil sebelah kanan dan kiri menempatkan blok huruf besar dan blok huruf kecil.

Buku cerita yang dibina bagi memperkenalkan cerita rakyat ialah *Anak Monyet Yang Tamak*. Buku ini mempunyai 26 muka surat yang terdiri daripada lukisan dan teks. Teks berwarna merah dan hitam digunakan bagi menunjukkan sebutan melalui pencerakinan perkataan kepada suku kata yang dibaca oleh subjek kajian. Bagi satu-satu perkataan, suku kata pertama yang dieja dan disebut oleh subjek kajian berwarna hitam, manakala suku kata kedua pula berwarna merah. Jika sesuatu perkataan mewakili tiga atau lebih suku kata, suku kata berikutnya pula akan berwarna hitam. Situasi ini memudahkan subjek kajian untuk belajar mengenal huruf, menyebut dan membaca perkataan berdasarkan warna-warna yang diwakili. Buku ini merupakan buku bergred mudah, iaitu terdiri daripada ayat tunggal tiga hingga dua belas perkataan dalam satu baris dan bilangan baris dalam satu muka surat adalah kira-kira 4 hingga enam baris.

b)Ujian Penilaian Kemahiran Membaca

Ujian Penilaian Kemahiran Membaca merupakan instrumen kajian yang digunakan untuk menguji kemahiran membaca subjek kajian selepas proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dijalankan. Jadual berikutnya menunjukkan maklumat berkaitan Ujian Penilaian Kemahiran Membaca, iaitu:

Jadual 2: Kemahiran Yang Diuji, Pecahan Markah, dan Pencapaian Hasil Pembelajaran Dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca

Kemahiran yang diuji	Pecahan Markah (100 Markah)
HP 1: Mengenal pasti huruf besar dan kecil secara berurutan serta tidak berurutan	30 Markah
HP 2:Membezakan huruf-huruf besar dan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya	30 Markah
HP 3:Menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya dan huruf kecil dengan huruf besarnya	40 Markah

Jadual 3: Pecahan Markah Mengikut Setiap Ujian

Hasil Pembelajaran	Ujian	Pecahan Markah (100 Markah)
HP 1	Mengenal pasti huruf besar secara berurutan (X1)	5 Markah
	Mengenal pasti huruf besar secara tidak berurutan (X2)	10 Markah
	Mengenal pasti huruf kecil secara berurutan (X3)	5 Markah
	Mengenal pasti huruf besar secara tidak berurutan (X4)	10 Markah
HP 2	Membezakan huruf-huruf besar seakan-akan sama bentuknya (X5)	15 Markah
	Membezakan huruf-huruf huruf kecil seakan-akan sama bentuknya (X6)	15 Markah
HP3	Menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya secara berurutan (X7)	20 Markah
	Menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya secara tidak berurutan (X8)	20 Markah

v. Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data merujuk kepada maklumat yang diperolehi pengkaji tentang subjek kajian atau aktiviti yang dijalankan semasa sesuatu kajian dijalankan. Dalam kajian awal ini, data-data yang diperolehi adalah terdiri daripada data lisan dan bukan lisan. Data-data lisan diperolehi daripada Ujian Penilaian Kemahiran Membaca dan temu bual dengan guru untuk mendapatkan maklumat tentang subjek kajian. Data-data bukan lisan pula adalah daripada pemerhatian terhadap subjek kajian semasa Ujian Penilaian Kemahiran Membaca dijalankan dan kajian kepustakaan yang dijalankan sebelum ke lapangan. Setiap bahagian dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca ini akan dikumpulkan markahnya dan dianalisis. Semua data-data bacaan subjek kajian dirakam dengan menggunakan alat perakam dan kamera digital. Setiap markah yang didapati oleh subjek kajian akan dipadankan dengan pecahan markah yang ditetapkan.

Analisis data pula dilakukan untuk menukarkan data-data lisan dan bukan lisan ke dalam bentuk yang mudah difahami. Markah-markah yang terdapat dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca dianalisis serta dipersembahkan dalam bentuk jadual. Analisis ini juga dilakukan untuk mencapai objektif kajian awal, iaitu menguji model awal Kit Asas Membaca bagi kanak-kanak pemulihan khas. Item-item yang terdapat dalam instrumen kajian yang dibina oleh pengkaji dianalisis untuk mendapatkan gambaran tentang peratus peningkatan atau penurunan markah subjek kajian membaca sebelum dan selepas proses P&P menggunakan Kit Asas Membaca.

Keputusan & Perbincangan

Analisis data dalam bahagian ini adalah berkaitan dengan keupayaan mengingat huruf berdasarkan tiga HP yang telah digariskan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran

(P&P), iaitu mengenal pasti huruf besar dan kecil secara berurutan serta tidak berurutan (HP 1), membezakan huruf-huruf besar dan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya (HP 2), dan menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya dan huruf kecil dengan huruf besarnya (HP 3). Analisis data dilakukan dalam dua peringkat, iaitu sebelum P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Keputusan dan perbincangan berkaitan dapatan kajian adalah seperti yang berikut, iaitu:

i. Pencapaian Keseluruhan Hasil Pembelajaran (HP) Sebelum dan Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca

Dapatan keseluruhan HP 1 hingga HP 3 menunjukkan wujudnya peningkatan peratusan pencapaian sebanyak 3.17 % selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca, iaitu 94.65% (93.74 markah) sebelum P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca dan 97.67% (97.2 markah) selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Bagi dapatan setiap HP juga menunjukkan peningkatan peratusan pencapaian, kecuali HP 2. Bagi HP 1, wujudnya peningkatan sebanyak 1.54 % (0.46 markah), manakala HP 3 sebanyak 7.5% (3 markah) sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Walau bagaimanapun, tiada peningkatan peratusan pencapaian bagi HP 2 sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Jadual di bawah menunjukkan peratusan pencapaian subjek kajian sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca, iaitu:

Jadual 4: Pencapaian Keseluruhan Mengikut HP sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca

HP	Sebelum P&P Menggunakan Kit Asas Membaca		Selepas P&P Menggunakan Kit Asas Membaca	
	Markah	%	Markah	%
HP 1	29.54	98.46	30	100
HP 2	30	100	30	100
HP 3	34.2	85.5	37.2	93
Jumlah Keseluruhan	93.74	94.65%	97.2	97.67%

ii. Pencapaian Setiap Hasil Pembelajaran (HP) Sebelum dan Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca

a) HP 1: Mengenal Pasti Huruf Besar Dan Kecil Secara Berurutan Serta Tidak Berurutan

Hasil analisis data menunjukkan perubahan peratusan pencapaian bagi setiap subjek kajian hanya berlaku kepada subjek kajian LL4 dan LL5 sahaja. Hal ini demikian kerana subjek-subjek kajian lain seperti LL1, LL2, dan LL3 sudah mendapat markah penuh bagi ujian X1 hingga X4 berdasarkan pecahan markah yang

ditetapkan. Subjek kajian LL4 menunjukkan peningkatan pencapaian sebanyak 3.3%, (1 markah) manakala subjek kajian LL5 sebanyak 4.3% (1.3 markah). Jadual berikut menunjukkan keputusan HP 1 bagi setiap subjek kajian mengikut ujian sebelum dan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca.

Jadual 4: Keputusan HP 1 Sebelum dan Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca

Hasil Pembelajaran		HP 1 (Sebelum P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)				J U M L A H	(%)	HP 1 (Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)				J U M L A H	(%)
Kaedah Penilaian		LISAN						LISAN					
		X 1	X 2	X 3	X 4			X 1	X 2	X 3	X 4		
Pecahan Markah		5	10	5	10	30	100	5	10	5	10	30	100
Bil	Subjek Kajian												
1.	LL 1	5	10	5	10	30	100	5	10	5	10	30	100
2.	LL 2	5	10	5	10	30	100	5	10	5	10	30	100
3.	LL 3	5	10	5	10	30	100	5	10	5	10	30	100
4.	LL 4	5	9.6	4.8	9.6	29	96.7	5	10	5	10	30	100
5.	LL 5	5	9.6	4.8	9.27	28.7	95.7	5	10	5	10	30	100

Berdasarkan jadual di atas, analisis data menunjukkan bahawa tiga daripada lima orang subjek kajian dapat menjawab kesemua soalan yang dikemukakan dalam Ujian X1, sebelum dan selepas pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Subjek kajian LL1, LL2, dan LL3 didapati tidak mengambil masa yang lama semasa menjawab soalan kerana telah mahir mengenal pasti huruf besar secara berurutan dan secara automatiknyanya dapat menjawab soalan yang dikemukakan. Keupayaan ini turut diperkukuhkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang terdapat dalam model awal Kit Asas Membaca. Hal ini demikian kerana fokus utama penggunaan bahan bantu mengajar ini adalah bagi memperkukuhkan ingatan subjek kajian terhadap kemahiran mengingat huruf. Pada kebiasaannya, subjek kajian hanya menyanyikan lagu ABC tanpa melihat huruf-huruf yang diwakilinya. Situasi ini adakalanya menjadikan subjek kajian bersikap sambil lewa dan mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan apabila ditunjukkan kad-kad huruf semasa latihan sebelum pembelajaran menggunakan model awal Kit Asas Membaca diaplikasikan.

Dapatan Ujian X2 dalam HP 1 sebelum P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca turut mendapati dua orang subjek kajian gagal mendapat markah penuh dalam ujian ini, iaitu subjek kajian LL 4

dan LL 5. Kedua-duanya masing-masing membuat satu kesilapan semasa menamakan huruf besar yang disoal secara tidak berurutan seperti *L* dan *R*. Subjek kajian LL 4, misalnya gagal menjawab soalan huruf *L* kerana menyebutnya sebagai *T*, manakala subjek kajian LL 5 menamakan huruf *R* sebagai *M*. Walau bagaimanapun, selepas pembelajaran menggunakan model awal Kit Asas Membaca, kedua-dua subjek kajian ini mampu mengecam huruf-huruf yang telah disebutkan dengan salah sebelum ini.

Seterusnya, dapatan ujian X3 menunjukkan tiga daripada lima orang subjek kajian mendapat markah penuh sebanyak lima markah sebelum P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca diperkenalkan dalam mengenal pasti huruf kecil secara berurutan. Subjek kajian LL 4 dan LL 5 gagal menjawab satu huruf dengan betul, iaitu huruf *j* dan *m*. Subjek kajian LL4 menamakan *j* sebagai *t*, manakala subjek kajian LL 5 pula menyebut *m* sebagai *n*. Mereka telah diberikan peluang untuk menjawab huruf tersebut sebanyak dua kali tetapi masih menyebutnya dengan salah. Dapatan selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca dijalankan mendapati kedua-dua subjek ini sudah mampu mengenal pasti kesemua huruf kecil terutama huruf kecil *j* dan *m* yang dinamakannya dengan salah sebelum ini.

Dapatan kajian ujian X4, mengenal pasti huruf kecil secara tidak berurutan pula menunjukkan bahawa subjek kajian LL 4 melakukan satu kesalahan bacaan, iaitu huruf kecil *b*, manakala subjek kajian LL 5 pula melakukan kesalahan mengenal pasti dua huruf, iaitu *b* dan *l*. Subjek kajian LL 4 menyebut huruf kecil *b* sebagai *d* dan subjek kajian LI 3 pula menyebut huruf kecil *l* sebagai *i* dan huruf kecil *y* sebagai *u*. Selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca, kedua-dua subjek kajian didapati sudah boleh menyebut huruf yang salah disebut oleh mereka sebelum ini.

b) HP 2: Membezakan Huruf-Huruf Besar Dan Huruf Kecil Yang Seakan-Akan Sama Bentuknya

Enam set pasangan huruf besar (*B* dan *D*), (*C* dan *G*), (*E* dan *F*), (*M* dan *N*), (*P* dan *R*), dan (*V* dan *W*) serta enam set huruf kecil (*b* dan *d*), (*c* dan *g*), (*e* dan *f*), (*m* dan *n*), (*p* dan *r*), dan (*v* dan *w*) diuji dalam bahagian ini. Hasil analisis data menunjukkan bahawa tiada perubahan peratusan pencapaian sebelum dan selepas P&P membaca dijalankan menggunakan model awal Kit Asas Membaca dalam ujian X5 (membezakan huruf-huruf besar seakan-akan sama bentuknya) dan X6 (membezakan huruf-huruf huruf kecil seakan-akan sama bentuknya). Hal ini demikian kerana subjek kajian telah mendapat markah penuh sebanyak 30% dalam HP ini sebelum dan selepas P&P tersebut. Pada masa yang sama, bahagian ini tidak menyoal kesemua huruf seperti ujian sebelumnya tetapi hanya dua pasangan huruf sahaja yang disoal. Jadual di bawah menunjukkan dapatan HP 2, iaitu:

Jadual 5: Keputusan HP 2 Sebelum dan Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca

Hasil Pembelajaran		HP 2 (Sebelum P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)		J U M L A H	(%)	HP 2 (Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)		J U M L A H	(%)
Kaedah Penilaian		LISAN		M A R K A H		LISAN		M A R K A H	
		X 5	X 6			X 5	X 6		
Pecahan Markah		15	15	30		15	15	30	
Bil	Subjek Kajian								
1.	LL 1	15	15	30	100	15	15	30	100
2.	LL 2	15	15	30	100	15	15	30	100
3.	LL 3	15	15	30	100	15	15	30	100
4.	LL 4	15	15	30	100	15	15	30	100
5.	LL 5	15	15	30	100	15	15	30	100

Dapatan kajian ujian X5 serta X6 sebelum dan selepas proses P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca menunjukkan bahawa subjek-subjek kajian dapat menamakan kesemua pasangan huruf yang seakan-akan sama dengan betul. Hal ini demikian kerana penekanan yang diberikan ketika proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) menggunakan Kit Asas Membaca membolehkan subjek kajian mengingat perbezaan sekaligus menamakan huruf-huruf yang disoal. Latih tubi dan pengukuhan yang memfokus kepada objektif pembelajaran ini dirancang dengan padat sehingga membolehkan maklumat grafik berkaitan huruf dapat dipecahkan kepada komponen yang terkecil. Kaedah P&P yang menghiburkan dan mengaitkan maklumat grafik dengan anggota badan turut membantu subjek kajian mengingat dengan baik. Subjek kajian seperti LL4 dan LL5 kelihatan teragak-agak semasa ingin menyebut pasangan huruf *b* dan *d* kerana berasa bimbang jika tersalah sebut huruf tersebut. Mereka turut cuba mengingat semula pembelajaran lalu dengan menulis huruf-huruf ini di atas kertas bagi membantu daya pengecaman mereka terhadap kedua-dua pasangan huruf tersebut. Kaedah pengecaman grafik melalui cara pembentukan huruf dapat mengelak kekeliruan subjek-subjek kajian ini.

c) HP3: Keupayaan Mengenal Pasti Padanan Huruf Besar-Kecil Secara Berurutan dan Tidak Berurutan

Dua jenis ujian telah dijalankan bagi menguji HP 3, iaitu mengenal pasti padanan huruf besar-kecil secara berurutan dan mengenal pasti padanan huruf besar-kecil secara tidak berurutan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya peningkatan peratusan antara 5% hingga 10% selepas P&P menggunakan Kit Asas Membaca dalam kalangan subjek kajian dijalankan. Subjek kajian LL1 dan LL4 menunjukkan peningkatan peratusan sebanyak 5% (2 markah), LL5 sebanyak 7.5% (3 markah), serta LL2 dan

LL3 sebanyak 10% (4 markah). Jadual di bawah menunjukkan pencapaian subjek kajian dalam HP 3, iaitu:

Jadual 6: Keputusan HP 3 Sebelum dan Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca

Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca									
Hasil Pembelajaran		HP 3 (Sebelum P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)		J U M L A H	(%)	HP 3 (Selepas P&P Menggunakan Model Awal Kit Asas Membaca)		J U M L A H	(%)
Kaedah Penilaian		LISAN		M A R K A H		LISAN		M A R K A H	
		X 5	X 6			X 5	X 6		
Pecahan Markah		20	20	40	100%	20	20	40	100%
Bil	Subjek Kajian								
1.	LL 1	19	19	38	95	20	20	40	100
2.	LL 2	18	18	36	90	20	20	40	100
3.	LL 3	18	18	36	90	20	20	40	100
4.	LL 4	15	16	31	77.5	16	17	33	82.5
5.	LL 5	15	15	30	75	16	17	33	82.5

Dalam bahagian ini, terdapat dua elemen yang diuji, iaitu mengenal pasti padanan huruf besar-kecil secara berurutan (13 markah) dan keupayaan tambahan (7 markah) seperti fokus (1 markah), konsisten (1 markah), automatik (1 markah), dan masa (4 markah jika menghabiskan ujian kurang daripada 15 minit dan hanya satu markah jika melebihi masa yang ditetapkan). Dapatan kajian untuk ujian X5 sebelum P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca mendapati bahawa tiada subjek kajian mendapat markah penuh dalam bahagian tersebut. Subjek-subjek LL1, LL2, dan LL3 mendapat markah penuh sebanyak 13 markah kerana memadankan huruf besar dengan huruf kecilnya secara berurutan dengan betul tetapi tidak mendapat markah penuh dalam keupayaan tambahan. Kelima-lima subjek kajian tidak mendapat markah penuh sebanyak satu markah bagi aspek automatik. Subjek kajian LL2 dan LL3 tidak mendapat markah penuh bagi satu lagi keupayaan tambahan, iaitu fokus kerana didapati kehilangan fokus semasa ujian berlangsung.

Subjek kajian LL4 didapati tersilap memadankan padanan huruf besar *P* dan *Q* dengan huruf kecilnya. Subjek kajian kerana memadankan kad huruf besar *P* dengan kad huruf kecil *q* dan kad huruf besar *Q* dengan kad huruf kecil *p*. Subjek kajian LL 5 membuat satu kesilapan, iaitu menterbalikkan padanan antara huruf besar *M* dan *N*. Subjek kajian menunjukkan kad huruf besar *M* dengan padanan huruf kecil *n* dan kad huruf besar *N* dengan kad huruf kecil *m* kerana keliru dengan kedua-dua huruf yang seakan-akan sama cara pembentukannya. Kedua-dua subjek kajian ini mendapat sebanyak 12 markah dalam keupayaan memadankan pasangan huruf tersebut. Kedua-dua subjek kajian turut tidak mendapat markah tambahan dalam keupayaan automatik (1 markah)

dan masa (4 markah). Hal ini dapat diperhatikan apabila mereka teragak-agak, keliru, dan menjawab dengan salah padanan huruf besar dengan huruf kecil secara berurutan. Bagi aspek masa pula, subjek kajian didapati mengambil masa melebihi 15 minit bagi memadankan kesemua padanan huruf besar dengan huruf kecilnya secara berurutan dan hanya satu markah diberikan bagi bahagian ini kerana berjaya menyudahkan ujian ini walaupun mengambil masa yang panjang. Subjek kajian LL4 mengambil masa selama 23 minit 15 saat, manakala subjek kajian LL5 mengambil masa selama 25 minit 12 saat untuk menyelesaikan ujian ini.

Selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca, terdapat perubahan markah dalam kalangan kesemua subjek kajian. Hal ini dapat diperhatikan apabila subjek kajian seperti LL1, LL2, dan LL3 mendapat markah penuh, terutamanya dalam keupayaan tambahan yang diambil kira. Pada masa yang sama, subjek kajian LL4 dan LL5 juga dapat menunjukkan padanan yang betul bagi huruf besar *P*, *Q*, *M*, dan *N*. Walau bagaimanapun, subjek kajian ini didapati tidak mendapat markah tambahan sebanyak empat markah bagi aspek masa kerana mengambil masa melebihi 15 minit semasa menyelesaikan ujian ini. Subjek kajian LL 4 mengambil masa selama 21 minit 6 saat, manakala subjek LL5 mengambil masa selama 18 minit 7 saat untuk menyelesaikan ujian ini.

Sebaliknya, dapatan bagi ujian X6 pula menunjukkan kesemua subjek kajian mendapat markah penuh sebanyak 13 markah bagi keseluruhan keupayaan memadankan huruf besar dan kecil secara tidak berurutan sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan model awal Kit Asas Membaca. Subjek-subjek kajian tidak mendapat markah penuh kerana gagal mendapat satu markah tambahan dalam keupayaan konsisten (LL 1 dan LL5), fokus (LL2 dan LL3), automatik (LL4), dan masa (LL4 dan LL5). Bagi aspek masa, subjek kajian LL4 dan LL5 hanya mendapat satu markah sahaja kerana berjaya menyelesaikan ujian tetapi melebihi masa yang ditetapkan selama 15 minit. Subjek kajian LL4 mengambil masa selama 21 minit 52 saat, manakala subjek kajian LL5 mengambil masa selama 17 minit 24 saat untuk menyelesaikan ujian ini. Dapatan kajian selepas P&P menggunakan model awal Kit Asas Membaca pula menunjukkan tiga daripada lima subjek kajian mendapat markah penuh apabila mampu memadankan kesemua padanan huruf besar dan kecil dengan betul dan mendapat markah tambahan markah sebanyak tujuh markah apabila dinilai daripada aspek fokus (1 markah), konsisten (1 markah), automatik (1 markah), dan masa kurang daripada 15 minit (4 markah). Subjek-subjek kajian seperti LL4 dan LL5 juga berjaya menjawab kesemua padanan huruf besar kepada huruf kecil dengan betul dan mendapat markah tambahan daripada aspek fokus (1 markah), konsisten (1 markah) dan automatik (1 markah). Walaubagaimanapun, subjek

kajian masih tidak mendapat markah penuh sebanyak 4 markah bagi aspek masa kerana masih gagal menyelesaikan ujian kurang daripada 15 minit. Subjek kajian LL4 mengambil masa selama 18 minit 4 saat, manakala subjek kajian LL5 mengambil masa selama 16 minit 52 saat untuk menyelesaikan ujian ini.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil analisis data membuktikan bahawa penggunaan model awal Kit Asas Membaca mampu meningkatkan keupayaan mengenal huruf dalam kalangan kanak-kanak pemulihan khas. Selain itu, dapatan ini turut menunjukkan bahawa perlunya pembinaan bahan bantu mengajar kemahiran membaca yang meliputi komponen seperti huruf, suku kata, perkataan, dan sebagainya dalam pembelajaran kanak-kanak pemulihan khas. Berdasarkan kajian awal yang dijalankan mendapati bahawa kanak-kanak pemulihan mempunyai pencapaian yang pelbagai dan guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran membaca yang memenuhi keperluan mereka. Bahan-bahan pengajaran yang ingin dibina pula perlulah mengikut spesifikasi dan diuji keberkesananannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Menerusi dapatan kajian awal ini, beberapa bahan bantu mengajar lain dibina seperti modul dan buku latihan akan dibangunkan berserta pemurnian semula bahan-bahan sedia ada seperti yang terdapat dalam kajian awal.

Kajian ini menelusuri aspek pembelajaran bahasa dalam kalangan kanak-kanak pemulihan khas, khususnya dengan mengenal pasti dan membina bahan bantu mengajar yang bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) kemahiran membaca. Bahan bantu mengajar tersebut dinamakan sebagai Kit Asas Membaca yang mengandungi kad imbasan, model, modul, buku latihan, dan buku cerita. Pada masa yang sama, pembinaan bahan-bahan yang terkandung dalam Kit Asas Membaca juga akan mengikut spesifikasi dengan mengikut proses pemilihan, pengolahan, dan pembinaan bahan-bahan pengajaran. Malah, pembelajaran turut dibahagikan mengikut modul meliputi peringkat mengenal huruf, membaca suku kata dan perkataan, serta konteks tatabahasa.

Rujukan

- Ab. Rahim Selamat. (1987). *Teknologi sistem pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Adams, M. J. (1990). *Learning to read: Thinking and learning about print*. Cambridge, MA: MIT Press.
- A. Jailani Che Abas. (2012). *Analisis kecelaruan membaca bahasa Melayu pelajar Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M)*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Chua Tee Tee & Koh Bo Boon. (1992). *Pendidikan khas dan pemulihan bacaan asas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Glosari pendidikan jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- East, M. (1952). *Display for learning: Making and using visual materials*. New York : Holt, Rinehart and Winston
- Taylor, J.J. (1973). The voluntary reading habits of secondary school pupil. *Journal of Research in Reading* 7 (3), p.p 11–18.
- Smith, F. (1978). *Reading*. Cambridge: University Press.
- Jais Sahok & Mat Nor Hussin. (1990). *Pendidikan pemulihan*. Selangor: Masa Enterprise.
- Jamila K.A. Mohamed. (2005). *Pendidikan Khas untuk kanak-kanak istimewa*. Pahang: PTS Professional.
- Kavitha Mahalingam. (2009). *Masalah membaca di kalangan murid tahun satu dalam program Kelas Intervensi Awal*. (Tesis Sarjana), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khatijah Abdul Hamid. (1990). Tinjauan alat dan bahan dalam pengajaran bahasa Melayu: Peranan dan sumbangan dari pihak swasta. In Juriah Long & Noor Ein Mohd Noor (Eds.), *Alat dan bahan pengajaran bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Misdar (2015). Meningkatkan kemampuan membaca permulaan melalui media kartu kata bagi anak lambat belajar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Khusus* 1(1), 502-514.
- Nor Laila Kuslan. (2014). *Aktiviti pemulihan bacaan di sebuah sekolah rendah: Satu kajian kes*. (Tesis PhD). University Malaya, Kuala Lumpur.
- Norzainariah Abu Hassan. (2004). *Kebolegunaan kit pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar: Satu tinjauan di KUiTTHO*. (Disertasi Sarjana). Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Batu Pahat, Johor.
- Vikneswari Maruganatham. (2014). *Masalah membaca dalam kalangan murid tahun satu dan penglibatan program LINUS dalam masalah membaca*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zulbaharen Ahmad. (1997). *Kajian terhadap masalah tidak boleh membaca di kalangan murid Tahun Tiga*. (Disertasi Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.